



KPDNHEP Kedah rampas lebih 3,000 penutup mulut dan hidung

01/04/2020 05:16 PM

ALOR SETAR, 1 April -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah merampas 3,450 keping penutup mulut dan hidung yang dianggar bernilai hampir RM7,000 dalam satu serbuan di sebuah rumah di Taman Kempas, Sungai Petani, Isnin.

Pengarahnya, Rae Morn Verak berkata serbuan dilakukan pada pukul 10.45 pagi berdasarkan maklumat orang awam yang membuat aduan berkenaan seorang lelaki yang menjual barangan itu secara atas talian pada harga yang melebihi had yang ditetapkan.

"Hasil serbuan di rumah itu, kita menemui 3,450 keping penutup mulut dan hidung tiga lapis dipercayai untuk dijual kepada pelanggan dengan harga RM2.50 seunit iaitu melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

"Suspek dipercayai menggunakan laman sosial Facebook untuk mengiklan penjualan dan menerima pesanan menerusi aplikasi WhatsApp dan barangan dihantar kepada pembeli melalui pos. Kesemua yang dirampas dianggarkan bernilai RM6,900," katanya dalam kenyataan hari ini.

Berikutan itu, suspek yang berusia 52 tahun disiasat mengikut Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM500,000 bagi kesalahan pertama dan RM1 juta bagi kesalahan kedua dan berikutnya.

Sehubungan itu, Rae Morn menasihatkan penjual agar tidak menaikkan harga barang itu sesuka hati dan mengambil kesempatan di atas kekurangan stok di pasaran ketika ini bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas.

Katanya, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan, boleh menyalurkan terus di talian hotline 1-800-886-800 atau 04-7001745 di Enforcment Command Centre (ECC) atau melalui laman web <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat KPDNHEP berhampiran.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1827448>

